

# Takut berbahasa Inggeris

Pemikiran yang positif, rasional dan usaha bersungguh-sungguh adalah kunci penguasaan bahasa yang baik

**S**AYA mahasiswa tahun dua sebuah Institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang berasal dari kampung.

Tentunya, sebagai budak yang berasal dari kampung, saya kurang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Ketika di sekolah dulu saya hanya belajar bahasa itu di kelas saja. Keluar saja dari bilik darjah, saya dengan kawan-kawan tidak lagi berkomunikasi dalam bahasa berkenaan. Malah, keputusan bahasa Inggeris saya pun lemah dan hanya 'cukup makan.'

Apabila difikirkan saya bernasib baik kerana dapat melanjutkan pengajian di IPTA. Masalah saya adalah kegagalan untuk berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam bahasa antarabangsa itu. Saya merasa takut dan malu untuk bercakap dalam bahasa berkenaan.

Ini menyebabkan saya mula tidak yakin dengan diri sendiri apatah lagi apabila

memikirkan masa depan.

Saya tahu perlunya menguasai bahasa itu untuk lebih maju dalam pelajaran.

Bagaimanakah caranya untuk saya mengingati setiap perkataan dan membuat ayat contohnya. Apakah saya punya peluang untuk mahir dalam bahasa Inggeris? Saya benar-benar inginkan bantuan dan khidmat nasihat daripada Dr.

Pelajar bimbang,  
Kedah

## JAWAPAN

**K**EPENTINGAN bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran terutama di institusi pengajian tinggi memang amat penting. Ini kerana bahan rujukan banyak dalam bahasa itu. Secara psikologinya, apabila seseorang mempunyai kelemahan tertentu, dia akan merasa tidak yakin dengan dirinya. Apabila adik lemah berbahasa Inggeris, ia menyebabkan konsep sendiri dan keyakinan semakin

berkurangan.

Ahli psikologi, Carl Rogers menyatakan manusia mempunyai potensi untuk berkembang. Ini membuktikan adik mempunyai peluang dan ruang untuk pandai bahasa Inggeris jika menggunakan potensi diri dengan baik.

Pemikiran yang positif dan rasional serta usaha bersungguh-sungguh adalah antara kunci kepada penguasaan bahasa yang baik. Bak kata pepatah setiap orang dapat mencapai kejayaan dalam hal apa saja, asalkan ia sangat menyukai pekerjaan yang dilakukan.

Usaha mempelajari dan seterusnya menguasai bahasa bukanlah satu perkara yang statik. Ia satu proses berterusan dan memerlukan kesabaran. Jadikan ia satu perkara yang perlu dilakukan secara berterusan dan pelajari satu perkataan atau ayat dalam bahasa Inggeris setiap hari. Lakukanlah dengan seronok.

Pemilihan bahan-bahan yang baik untuk memperbaiki pembacaan, tatabahasa, penulisan, percakapan dalam bahasa Inggeris adalah penting. Dr yakin di universiti tempat adik belajar, banyak bahan rujukan yang dapat membantu memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris. Selain itu, adik boleh mendapatkan bahan melalui media dan Internet.

Belajar juga lebih seronok jika ia dilakukan secara berkumpulan. Justeru, adik perlu mencari teman yang boleh diajak berkomunikasi dan belajar bahasa Inggeris. Mempelajari bahasa Inggeris dalam kelompok adalah lebih menyeronokkan daripada mempelajarinya secara berseorangan.

Adik juga perlu aplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan harian. Banyakkan latihan bercakap, menulis, berfikir dalam bahasa Inggeris.

# Anggap semua lelaki jahat

**S**AYA masih remaja, tapi kini mengalami trauma terhadap golongan lelaki kesan perceraian ibu dan ayah. Untuk pengetahuan Dr, ayah seorang panas baran dan mempunyai ramai teman wanita ketika berkahwin dengan ibu dulu.

Sikap panas baran ayah bukan saja dilempiaskan kepada ibu, tapi juga anak termasuk saya. Kami sering dimaki dan dipukul. Sikap panas baran ayah yang selalu mendera ibu membuatkan saya menganggap bahawa semua lelaki adalah jahat, sama seperti ayah saya.

Kini, saya amat membenci lelaki dan berjanji kepada diri sendiri tidak akan berkahwin seumur hidup saya

Gadis trauma lelaki  
Pahang.

## JAWAPAN

**M**EMBESAR dalam keluarga yang berkonflik ternyata memberi kesan psikologi negatif kepada adik. Pergolakan emosi dan sikap adik terhadap lelaki serta alam perkahwinan adalah kesan corakkan pembesaran dalam keluarga. Adik berfikir bahawa semua lelaki jahat dan takut kepada alam perkahwinan.

Manusia boleh berubah. Belum terlambat untuk mengubah corak pemikiran adik. Persepsi negatif bahawa semua lelaki jahat boleh

dikurangkan melalui pemikiran yang lebih rasional.

Pemikiran tidak rasional (bahawa semua lelaki adalah jahat) boleh dirasionalisasi dengan melihat contoh lelaki baik dan bertanggungjawab dalam membimbing keluarga mereka. Ini boleh mengubah pemikiran yang kurang rasional (lelaki adalah semuanya jahat) kepada yang lebih rasional (terdapat lelaki jahat dan ada yang baik).

Ramai bapa mithali berjaya mendidik anak mereka menjadi insan berguna. Contoh baik mereka boleh membantu adik dalam mengurangkan anggapan negatif bahawa semua lelaki adalah jahat dan ganas. Apabila pemikiran tidak rasional adik boleh diubah sedikit demi sedikit, emosi adik juga turut berubah.

Alam perkahwinan adalah suatu ujian Allah untuk melihat siapa berjaya dalam ujian itu dan siapa pula gagal, siapa yang sanggup menjalani tanggungjawab sebagai ibu dan bapa dan siapa pula sebaliknya.

Nampaknya bapa adik gagal dalam ujian menjalankan tanggungjawabnya sebagai suami dan bapa yang baik. Walaupun ayah adik gagal menjadi suami dan ayah yang baik, ini tidak bermakna semua lelaki lain juga bersikap begitu.